

ANALISIS NILAI MURNI DALAM *SETEGUH KARANG*

Moral Values Analysis on *Seteguh Karang*

Jumali Hj. Selamat

Pusat Akreditasi Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor, Bangi 43600, Pos-el: jumali@ukm.my

(Makalah diterima tanggal 17 Februari 2012—Disetujui tanggal 27 November 2012)

Abstrak: *Penelitian ini menganalisis nilai-nilai murni dalam kehidupan remaja berdasarkan teks Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah dari perspektif pendekatan moral. Analisis ini bertujuan melihat penyemaian nilai murni dalam karya untuk membentuk akhlak dan budi pekerti remaja. Menerusi pemupukan nilai murni diharap dapat melahirkan remaja yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, berjiwa murni dan berkeupayaan memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan tanah air. Kajian ini mendapati teks ini menyentuh nilai-nilai murni, seperti nilai baik hati, kasih sayang, keberanian, kerjasama, kesyukuran dan rasional. Peristiwa yang dilalui oleh manusia menyerlahkan pelbagai ragam, perlakuan dan hubungan manusia dari aspek positif dan negatif untuk dijadikan cerminan perbandingan dan contoh teladan. Elemen ini memberi pengalaman dan pengetahuan dalam kehidupan remaja.*

Kata-Kata Kunci: *novel, nilai murni, remaja, pendekatan moral, kehidupan.*

Abstract: *This article analyzes the moral values in the adolescent life based on text Seteguh Karang authored by Tuan Faridah Syed Abdullah from the moral approach perspective. This analysis intends to observe the inculcation of moral values in the text to form the adolescent morals and characters. The inculcation of moral values is expected to generate adolescents who are knowledgeable, honorable, noble-minded and able to contribute to the religion, race and country. The analysis has found that this text touches moral values such as kindness, compassion, courage, cooperation, gratitude to God and rationalness. All events traversed by humans display various treatment and human relationships from positive and negative aspects to become a reflection of comparison and role models. This element provides the experience and knowledge in the adolescent life.*

Key Words: *novel, moral values, adolescents, moral approach, human life*

PENDAHULUAN

Nilai murni dikatakan sebagai satu gagasan positif yang menggambarkan kesucian, keindahan dan tidak mencemarkan keperibadian seseorang. Rangkaian gagasan ini mempunyai nilai estetika yang menjadi amalan dan kebiasaan bagi setiap individu yang inginkan ketenangan dan kedamaian di samping dapat membentuk nilai keperibadian, kesopanan dan ketrampilan diri dalam masyarakat. Abdullah (2000:4) menegaskan nilai murni ialah tingkah laku, perbuatan atau

gerak laku yang menjurus ke arah kebaikan dan menjadi teladan yang merangkumi nilai kemanusiaan sejagat. Dalam konteks ini, maksud nilai murni diadaptasikan dengan penerapan akhlak dan budi pekerti mulia yang menjadi asas utama dalam pembentukan keperibadian seseorang. Kedua-dua elemen ini amat besar peranannya dalam menentukan pembinaan sah-siah bagi setiap individu agar lebih mantap dan berkesan.

Bagi membentuk peribadi dan budi pekerti mulia seseorang itu harus

menumpukan usaha ke arah kesempurnaan akhlak dan moral seperti yang dituntut oleh Islam (Darusalam, 1997:1). Bagaimanapun proses pembentukannya harus diselaraskan dengan pertumbuhan fizikal dan perkembangan jiwa remaja. Budi pekerti luhur tidak akan wujud tanpa kepercayaan terhadap agama terutama tentang kewujudan dan kekuasaan Allah. Akhlak yang mulia pula lahir daripada amalan dan didikan agama yang menyeluruh. Gabungan budi pekerti luhur dan akhlak mulia mampu mewujudkan masyarakat yang harmonis, jiwa yang tenang, keyakinan yang kukuh dan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang ancaman (Nik Pa, 1990:162).

Seterusnya, Zakaria (1991:164) mendefinisikan akhlak adalah nilai yang berpengaruh dalam Islam. Akhlak murni amat dituntut oleh Islam seperti yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW. Islam menggesa umatnya mengamalkan nilai makruf atau kebaikan dan menolak kemungkaran. Nilai-nilai positif seperti jujur, amanah, ikhlas, kerjasama, rajin dan dedikasi serta menjauhi hal-hal yang tidak berfaedah perlu diamalkan untuk membersihkan diri dan membentuk motivasi yang tinggi dalam kehidupan.

Dalam *Ensiklopedia Malaysiana* (1996:133), akhlak ialah suatu konsep pembentukan mental yang dirumuskan daripada tingkah laku manusia. Ali (1996a) pula menyatakan akhlak secara umumnya difahami sebagai suatu tingkah laku atau kelakuan yang terbit daripada motivasi atau rangsangan yang mendorong seseorang bertindak dan lama-kelamaan menjadi adat kebiasaan dalam kehidupan. Secara khusus nilai atau akhlak membawa maksud tingkah laku atau perlakuan yang memperlihatkan budi pekerti yang tinggi lagi mulia. Sementara itu, murni bermaksud unsur-unsur yang bersih, tulen, suci dan tidak mencemarkan. Justeru, nilai murni merupakan unsur yang baik dan positif,

bermutu dan berkualiti sama ada dalam pemikiran, tingkah laku atau perbuatan, kemasyarakatan atau bidang keagamaan yang mengandungi unsur kebenaran dan kejujuran.

Usaha menerapkan nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia terutama golongan remaja amat perlu dan sejajar dengan harapan serta aspirasi negara untuk mewujudkan generasi yang berilmu, bersopan santun dan bertanggungjawab seperti terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Untuk menerapkan nilai dan akhlak yang baik kepada anggota keluarga serta masyarakat adalah suatu tanggungjawab yang penting. Tanggungjawab ini merangkumi soal hukum-hakam, ibadat dan peraturan kekeluargaan yang halus lagi teliti untuk menjamin keharmonian (Salum, 1993:131). Sementara itu, nilai murni yang menitikberatkan hubungan sesama manusia, alam persekitaran dan Tuhan tertumpu kepada domain rohaniyah, moral, agama dan estetika yang membawa ketenteraman pemikiran, kesucian jiwa dan keluhuran perilaku manusia (Hussin, 1995:37).

Penggarapan nilai murni yang diadun oleh pengarang melalui watak-watak dalam karya menggambarkan tingkah laku bersopan, berperibadi mulia dan bersahsiah yang berupaya membina personaliti remaja. Gambaran ini terpapar melalui perilaku, pertuturan dan tindak-tanduk yang diterapkan sama ada secara langsung atau tidak melalui watak dan perwatakan yang mempengaruhi perlakuan dalam kehidupan remaja. Nilai-nilai murni yang menjadi amalan dan budaya hidup manusia akan membina dan melahirkan generasi muda yang bertamadun selari dengan matlamat negara menjadikan masyarakat Malaysia sebuah masyarakat madani.

TEORI

Analisis ini menggunakan pendekatan

moral dalam *Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Hashim Awang. Teori ini menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupannya yang mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Alam dijadikan faktor utama untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia yang memberikan mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Teori ini berlandaskan semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karyanya sendiri. Untuk menerapkan teori ini dalam kajian ia dibahagikan kepada dua iaitu pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan.

Pengkaedahan Alamiah merangkumi cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya dan dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, moral dan firasat. Sementara itu, pengkaedahan Keagamaan pula dianalisis berasaskan kepada nilai keimanan dan ketakwaan yang bersemdikan akidah agama Islam. Bahan rujukan utama ialah Alquran dan hadis, pembentukannya bertujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Pengkaedahan ini dibahagi kepada tiga iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni yang saling perlu-memerlukan antara satu sama lain..

Menerusi pendekatan moral segala kejadian alam bukan berupa suatu kewujudan yang berbentuk alat atau benda tetapi bersifat sebagai pengalaman hidup. Bersesuaian dengan sifatnya yang sedemikian, maka sastera dianggap sesuatu yang memberi manfaat dan berperanan lebih besar iaitu dengan menyingkap segala persoalan dan permasalahan hidup yang memberi pengalaman kepada manusia. Pengalaman ini biasanya merangkumi dua hal iaitu pertama,

tentang peristiwa dan pengalaman yang dilalui oleh manusia tertentu. Daripada peristiwa yang dilalui akan menyerlahkan pelbagai ragam, perlakuan serta perhubungan antara manusia yang melihat aspek-aspek positif dan negatif untuk dijadikan cerminan perbandingan atau contoh teladan yang baik. Kedua, sastera dilihat mampu menyediakan maklumat dan pengetahuan yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitarannya (Awang, 1994:332).

METODE

Pendekatan ini melihat sastera mampu menyediakan manusia dengan ilmu pengetahuan seperti melalui bidang ekonomi, kebudayaan, politik, pelajaran, kepercayaan dan pelbagai kegiatan manusia yang boleh memberi sebanyak mungkin pengajaran dan pengetahuan dalam kehidupan (Awang, 1994:332). Analisis ini bertujuan untuk melihat pengajaran nilai murni merupakan usaha ke arah pembentukan akhlak dan budi pekerti mulia yang menjadi panduan dan teladan kepada remaja yang masih dalam pencarian untuk mendewasakan diri dan memantangkan fikiran bagi menjamin kelangsungan hidup dengan lebih sempurna. Penyemaian nilai murni ini memberi gambaran cara untuk melahirkan remaja yang berilmu pengetahuan, bermoral, berakhlak mulia, berjiwa murni, mempunyai jati diri, bersemangat juang yang tinggi, berdaya saing, berkepercayaan, bertanggungjawab dan berkeupayaan untuk memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan tanah air.

Seterusnya, nilai murni dalam pendidikan ditakrifkan sebagai proses pembentukan individu dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, perkembangan jasmani dan penyerapan nilai-nilai positif yang dilakukan secara menyeluruh untuk melahirkan insan yang sempurna. Proses ini berlaku serentak dan terikat dengan kepercayaan dan kepatuhan

kepada Tuhan. Analisis ini dilaksanakan dengan mendasari nilai murni seperti yang dicadangkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia. Ada enam belas nilai-nilai murni iaitu: baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental dan fizikal, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat (PPK, 1990:24). Setiap nilai murni ini akan diteliti satu persatu berdasarkan pecahannya seperti yang disyorkan oleh PPK. Justeru, analisis ini dilakukan dengan meneliti teks *Seteguh Karang* yang menyentuh nilai baik hati, kasih sayang, keberanian, kerjasama, kesyukuran dan rasional menerusi pendekatan moral. Setiap nilai ini akan diteliti satu persatu untuk melihat penyemaian nilai murni menerusi karya.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Novel *Seteguh Karang* (1994) karya Tuan Faridah Syed Abdullah adalah pemenang tempat kedua dalam Peraduan Menulis Novel Remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Menerusi novel ini pengarang memaparkan kisah tragik sebuah keluarga yang selama ini hidup aman dan bahagia tetapi setelah kematian kedua ibu bapa mereka dalam kemalangan jalan raya telah menghancurkan kehidupan tiga anak gadis yang telah ditinggalkan. Awanis, Maysarah dan Anita terpaksa berhadapan dengan seribu masalah dalam mengharungi kehidupan seterusnya. Melalui watak Awanis seorang anak remaja yang berjiwa kental dan tidak kenal erti putus asa akhirnya beliau berjaya menyatukan semula keluarganya yang berantakan itu.

Analisis ini dilakukan mendasari enam belas nilai murni dan pecahannya seperti cadangan PPK. Bagaimanapun analisis ini hanya melibatkan nilai baik hati, kasih sayang, keberanian,

kerjasama, kesyukuran dan rasional seperti yang tergarap dalam karya.

Baik Hati

Secara harafiah baik bermaksud sesuatu yang memberi faedah, kebaikan dan kemanfaatan yang dapat memuaskan hati seseorang, sementara hati ialah perasaan halus yang wujud dalam jiwa yang menaruh rasa belas kasihan. Sikap ini sukar dilihat tetapi dapat dinilai dan diterjemah melalui pertuturan, perlakuan serta tindak-tanduk yang dilakukan terhadap orang lain dan alam sekelilingnya. Oleh itu, baik hati merupakan perasaan belas yang wujud dalam jiwa seseorang dan memberi manfaat serta kebaikan kepada dirinya, orang lain atau alam persekitarannya. Melalui analisis ini, nilai baik hati yang terlihat dalam karya termasuklah sifat bertimbang rasa, murah hati dan sedia memaafkan.

Sifat bertimbang rasa memperlihatkan keupayaan seseorang membuat pertimbangan. Seperti dijelaskan oleh PPK (1990:5), pertimbangan ini termasuk memperhitungkan buruk baiknya, menjaga keperluan dan perasaan orang lain sewaktu membuat keputusan atau tindakan. Sifat bertimbang rasa yang tersisip dalam karya dapat dilihat melalui watak Wan Asri yang tersentuh jiwanya apabila melihat Awanis dipermainkan oleh Encik Johari, Kak Maznah dan Sofia. Wan Asri cukup bertimbang rasa dan bersimpati dengan cuba menenangkan perasaan Awanis dengan membantunya membuat kerja-kerja yang diamana-nahkan. Pernyataan ini dapat dilihat seperti paparan berikut,

“Ha Anis, macam mana ladang?” tanya Kak Maznah. Tapi hati kecilku mengesan riak-riak usikan pada suara dan wajahnya. Juga wajah-wajah lain kecuali seorang iaitu Wan Asri. Dia sedang memandangku dengan wajah yang lain, wajah simpati! (Abdullah, 1994:70).”

Sementara itu, sifat murah hati memperlihatkan perilaku pemurah, dermawan, ringan tulang, dan suka membelanja harta dengan rasa gembira atau senang hati. Mohd. Ali Hashimi (1988: 246) menjelaskan orang yang murah hati akan memperlihatkan kedua tapak tangannya sentiasa terbuka untuk menghulurkan bantuan, sumbangan dan sokongan kepada orang lain dan anggota masyarakatnya dengan penuh keikhlasan. Menurut riwayat al-Hasan Bin Ali, orang yang murah hati ialah mereka yang suka menderma dan melakukan sesuatu kebaikan dan kebajikan sebelum diminta (Ghazali, 1990:555). Justeru, setiap individu atau kelompok masyarakat digalakkan mengamalkan sifat murah hati yang mampu menjernihkan perlakuan, membina ketenangan jiwa dan membantu orang lain dengan rasa gembira serta senang hati yang membawa kebaikan secara menyeluruh. Penggarapan sifat murah hati ini terpapar melalui watak Kak Nor dan Abang Farid kerana kesudiannya menerima Awanis tinggal bersama keluarganya seperti berikut.

“Mereka berasa lapang dada dapat membantu Awanis yang terpaksa mencari rumah sewa sewaktu menjalani praktikal selama empat minggu di Terengganu (Abdullah, 1994:49)”.

Apa yang dilakukan Kak Nor dan Abang Farid sesuai dengan pendapat Muhammad Al-Ghazali (1994:239) yang menggalakkan setiap manusia menanam sifat pemurah di samping membuat kebajikan dan melakukan kebaikan sebagai amalan hidupnya. Manakala Daud (1995:33) menjelaskan sifat murah hati akan membuka hati seseorang suka menderma, membelanja harta, tolong-menolong dan gemar membantu orang lain. Oleh itu, sifat murah hati akan mendorong manusia berasa senang hati dan tidak keberatan untuk membantu

orang lain sama ada dalam bentuk materialisme atau sokongan.

Selanjutnya, setiap individu dituntut supaya tidak melakukan sesuatu perlakuan yang bertentangan dengan ajaran agama, budaya dan norma kehidupan sejagat. Mereka dianjurkan supaya mengamalkan sifat sedia memaafkan yang mengajak manusia membersihkan diri dalam hubungannya dengan anggota masyarakat yang lain. Seperti yang dijelaskan oleh Hashimi (1988:78), sifat sedia memaafkan adalah suatu amalan membersihkan diri daripada sifat khianat, berdendam dan tidak amanah. Sifat ini memiliki nilai kemuliaan yang agung dan mencapai makam tertinggi kerana hatinya telah terbuka dan menerima hidayah Allah. Sementara itu, Imam Ghazali (1991:201) menegaskan orang yang suka memaafkan kesalahan orang lain dianggap telah matang dan mencapai tahap kesempurnaan yang akan berasa lapang dada dan bertambah kesabarannya.

Melalui analisis ini, sifat sedia memaafkan dapat dikesan menerusi watak Awanis yang sedia memaafkan kesilapan Kak Maysarah dan Anita yang menyebabkan keluarganya menjadi kalut dan hampir musnah akibat kedegilan mereka. Awanis sentiasa berdoa demi mengembalikan kebahagiaan keluarganya. Seperti katanya,

“Dalam hati aku memanjatkan syukur diam-diam. Terima kasih Tuhan, kerana telah kembalikan Kak May kepadaku. Terima kasih, kerana aku tahu aku akan mempunyai seorang kakak kembali” (Abdullah, 1994:252).

Tindakan yang diambil Awanis menggambarkan sifat sedia memaafkan adalah kerelaan mengampunkan kesalahan orang lain dengan tidak mencerca, menaruh sakit hati, tidak menyimpan perasaan marah dan berdendam. Daud (1995:128) menegaskan sifat pemaaf

adalah sebahagian gagasan pemikiran murni untuk mewujudkan keamanan, kesejahteraan, keharmonian dan mengekalkan perpaduan. Malahan setiap manusia dianjurkan supaya mengamal dan menghayati nilai-nilai universal yang baik serta murni untuk memupuk semangat integrasi dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini yang menghargai kedamaian dan keharmonian. Melalui sifat bertimbang rasa, murah hati dan sedia memaafkan memperlihatkan wujudnya unsur kebaikan dan kebajikan yang memberi kemanfaatan kepada remaja. Pernyataan ini sesuai dengan pandangan Awang (1989:63) menegaskan menerusi pendekatan moral sastera dianggap sebagai wadah mendedahkan segala macam persoalan dan fenomena sosial yang berlaku dalam kehidupan manusia.

Kasih Sayang

Nilai kasih sayang menggambarkan satu cetusan emosi terhadap sesuatu yang melibatkan suasana, sikap dan harapan terhadap seseorang atau sesuatu yang lain. Menurut Muhammad Al Ghazali (1987:422), kasih sayang menggambarkan sifat ketinggian budi yang melembutkan hati untuk mencurahkan rasa belas kasihan. Sifat kasih sayang dan belas kasihan yang sejati akan mewujudkan rasa tanggungjawab dan perasaan hormat terhadap orang lain (Ali, 1996b: 181). Melalui amalan dan penghayatannya akan membuatkan seseorang itu turut sama merasai sedih melihatkan penderitaan, kesusahan dan kesengsaraan sesama manusia di samping berusaha meringankannya sesuai dengan pendekatan moral. Oleh itu, nilai kasih sayang merupakan perasaan halus dan belas kasihan wujud daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya. Nilai kasih sayang yang terpapar dalam karya merujuk kepada sifat

cinta kepada keamanan dan keharmonian.

Sifat sayang kepada keamanan dan keharmonian merujuk kepada perasaan sayang dan terbaik-baik bagi memastikan kesejahteraan dan kehidupan yang selesai. Umpamanya, Awanis yang berusaha bersungguh-sungguh bagi mengembalikan semula keamanan dan keharmonian keluarga dengan memujuk adiknya Anita yang melarikan diri setelah mengetahui dia hanyalah seorang anak angkat dan menyedarkan Kak Maysarah yang murung sejak kematian ibu bapanya. Paparan ini dapat dilihat seperti petikan berikut.

“Maaf aku, kak”. “Ah tak mengapa Anis, aku tahu kau benar. Kak May tahu”. Dia menggenggam tanganku erat. Matanya menusuk ke dalam mataku. Dan ikatan persaudaraan itu kembali bertaut erat. Kemudian matanya beralih kepada Anita di sisiku. “Nita Maafkan Kak May!”. Kak May menggenggam tangan Anita pula (Abdullah, 1994:250).

Usaha yang dilakukan Awanis menggambarkan kesanggupannya melibatkan diri untuk turut sama berkorban bagi memastikan suasana aman dan harmonis sentiasa terpelihara dalam keluarganya. Melalui paparan ini, menunjukkan sifat sayang kepada keamanan dan keharmonian memberi sumbangan besar dalam mewarnai suasana kehidupan dan pembentukan masyarakat madani yang cintakan kedamaian dan kesejahteraan dalam mendepani kehidupan yang semakin mencabar.

Keberanian

Menurut Aboebakar Atjeh (1988:19), keberanian ialah sikap tidak ragu-ragu untuk mengambil sesuatu tindakan walaupun dalam keadaan yang berbahaya dan berisiko tinggi. Keberanian memerlukan kebijaksanaan dan keupayaan memanipulasi keadaan, kerana berani secara

melulu akan mengakibatkan kehancuran dan kemusnahan. Nilai keberanian menggambarkan kesanggupan seseorang menghadapi cabaran dan tentangan dengan penuh yakin serta berani menanggung risiko. Dalam analisis ini, nilai keberanian yang tergarap dalam karya ialah sifat berani mempertahankan pendirian.

Sifat berani dengan tidak membuta tuli bermaksud kesanggupan dan kesediaan melakukan sesuatu perkara atau perlakuan yang penuh dengan cabaran untuk kebaikan diri sendiri dan orang lain selari dengan pendekatan moral. Seperti dijelaskan oleh Alias (1990:147), berani secara membuta tuli memaparkan sifat yang disertai kebodohan, dipenuhi perasaan marah dan ingin membalas dendam. Oleh itu, keberanian hendaklah disertai dengan kebijaksanaan dan keikhlasan kerana manusia sanggup menipu, berdusta, memutar-belit fakta dan melanggar undang-undang demi mencapai hasrat dan cita-citanya. Melalui sifat ini, memperlihatkan kesanggupan individu atau kumpulan masyarakat menghadapi cabaran berdasarkan kemampuannya setelah memikirkan kesan dan akibat daripada tindakannya.

Sifat berani mempertahankan pendirian bermaksud ketabahan atau kemampuan menghadapi kesulitan untuk mempertahankan apa yang dilakukan dan diperkatakan adalah benar. Sifat ini memperlihatkan kesanggupan Awanis mempertahankan pendiriannya walaupun terpaksa berhujah dengan En. Johari Penolong Pengurus Ladang yang bersikap sombong dan suka membuli pelatih baru. Seperti katanya:

“... En. Johari juga yang mencabar saya jangan mengharap pertolongan En. Johari. ...Kenapa pula En. Johari mesti bisin-bising dan bersusah payah mencari saya dalam hujan begini? Saya tahulah bagaimana untuk survive diri saya sendiri. Tadi pun, En. Johari suruh

saya tanggung sendiri kalau mahu masuk ladang. Sekarang, saya berani masuk ladang kerana saya berani menanggung risikonya!”. Puas hatiku dapat mengenakan En. Johari (Abdullah, 1994:183).

Melalui sifat berani mempertahankan pendirian memperlhat kesanggupan menghadapi cabaran berdasarkan kemampuan yang disertai dengan kebijaksanaan setelah memikirkan kesan daripada tindakannya. Tindakan ini bertujuan mencari kesejahteraan hidup menerusi ngetahuan yang berkaitan dengan manusia dan suasana persekitarannya.

Kerja Sama

Tiada individu atau kelompok manusia yang dapat hidup bersendirian. Manusia sebagai makhluk sosial perlu berinteraksi, berkomunikasi dan bekerjasama bagi memenuhi keperluan untuk meneruskan kehidupan mereka. Kerjasama merupakan faktor terkuat dalam menegakkan sebuah masyarakat yang seimbang baik dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Dalam hal ini, Islam menggesa pihak pemerintah dan yang diperintah atau masyarakat seluruhnya supaya mempertingkatkan kerjasama dalam segala urusan kehidupan untuk kebaikan bersama (Al-Buraey, 1992:329). Amalan bekerjasama seperti tolong-menolong, bantu-membantu dan saling hormat-menghormati dengan akhlak mulia penting dalam kehidupan bermasyarakat (Ali, 1996c:134). Justeru, sifat bekerjasama merupakan usaha yang baik dan membina yang dilakukan secara kolektif antara individu, keluarga, komuniti dan masyarakat untuk mencapai sesuatu matlamat. Nilai kerjasama yang terlihat dalam analisis ini merangkumi sifat persaudaraan dan kebaikan bersama.

Konsep persaudaraan merujuk kepada hubungan erat antara ahli keluarga, komuniti, masyarakat dan negara tanpa mengira suku kaum, ras dan keturunan.

Menurut Aboebakar Atjeh (1988:177), persaudaraan Islam atau ukhuwah Islamiyah mewajibkan setiap umatnya agar menghilangkan rasa kegelisahan dan kesusahan yang mengutamakan kepentingan umum lebih tinggi nilainya daripada kepentingan peribadi. Sesungguhnya sifat menghargai persaudaraan dalam Islam akan memberi perlindungan menyeluruh, di samping mewujudkan perdamaian dan ketenteraman dalam masyarakat. Dalam karya ini diketengahkan watak Kak Maysarah, Awanis dan Anita yang membawa haluan masing-masing setelah kedua ibu bapanya meninggal dunia. Bagimanapun atas rasa persaudaraan dan hubungan kekeluargaan yang terjalin telah mencantumkan semula keluarga ini. Paparan ini dapat dilihat seperti berikut.

Ada air mata tergenang di kelopak mata Kak May. Aku tidak mahu melihat air mata dan kemurungan di sini. Malam ini. Malam yang sejuk nyaman dan penuh rahmat, kerana di sini satu keluarga yang berantakan kini berkumpul kembali (Abdullah, 1994:251).

Usaha yang dilakukan oleh Kak Maysarah, Awanis dan Anita menggambarkan hubungan kekeluargaan, kekerabatan dan persaudaraan menjadi ikatan penting dalam sesebuah masyarakat seperti kata pepatah ‘carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga’ atau “air dicincang tidak akan putus”. Imam Ghazali (1991:319) menjelaskan salah satu tanda wujudnya rasa persaudaraan ialah apabila seseorang itu merasa senang hati melihat orang lain memperoleh keberuntungan atau kesenangan di samping turut berusaha untuk memperoleh kenikmatan yang sama bagi dirinya.

Selanjutnya, sifat kebaikan bersama menggambarkan suasana saling bantu-membantu dalam melakukan sesuatu perkara atau usaha yang mendatangkan

kebaikan secara menyeluruh. Menurut Nawas, et al. (1995:148), Islam menggalakkan umatnya supaya bersikap positif terhadap perkara-perkara kebajikan yang bertujuan menerapkan nilai-nilai mulia dalam masyarakat. Oleh itu, setiap individu dituntut agar tidak mengabaikan kebaikan bersama yang menjadi asas kepada kehidupan sejagat. Sifat kebaikan bersama dapat dilihat melalui watak Kak Maysarah yang menasihati Awanis sewaktu menunggu bas ke Terengganu bagi menjalankan praktikal bersama Anita dan Pak Oni. Seperti katanya.

“Jaga diri baik-baik, Anis!” Suara Kak May juga sendu pada pendengaranku. Memangnya bukan aku saja yang perlu jaga diri baik-baik, tapi Kak May juga. ...”Terima kasih Kak May.” Aku genggam tangan Kak May yang terhulur. Kemudian aku berpaling kepada Pak Oni. “Maafkan Anis Pak Oni, tolong jaga Nita dan Kak May!” (Abdullah, 1994:36).

Melalui semangat persaudaraan dan kebaikan bersama, dilihat mampu memupuk semangat bekerjasama adalah sesuai dengan pendekatan moral yang memancarkan nilai keindahan dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh itu, semangat yang mengutamakan persaudaraan sejagat penting dalam usaha mewujudkan satu kesatuan yang utuh dan mampu menghadapi survival tamadun bangsa Malaysia yang unggul.

Kesyukuran

Syukur ialah suasana suka dan senang kerana sesuatu nikmat yang diperolehi (Ghazali, 1990:731). Bersyukur bermakna menerima sesuatu pemberian, sumbangan dan khidmat bakti dengan rasa senang hati. Sifat bersyukur bukan sahaja dilihat sewaktu mendapat sesuatu yang dihajati tetapi juga apabila terselesamat daripada sesuatu tragedi (Ali,

1996a:120). Keutamaan bersyukur seperti dalam Alquran, surah Ibrahim: 7 dan an-Nisa: 147, menyarankan umatnya supaya bersyukur kerana dengan bersyukur, nescaya akan Kutambahi nikmat dan sekiranya kamu kufur serta ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah pedih (Ashshiddiqi et. al. 1992) . Justeru, kesyukuran bermaksud perasaan dan perlakuan yang dilahirkan secara ikhlas terhadap sumbangan, khidmat bakti, kesenangan dan nikmat yang diperolehi. Nilai kesyukuran dalam analisis ini merangkumi sifat berterima kasih.

Adalah menjadi kewajipan setiap manusia mengucapkan terima kasih kepada orang yang berbudi dan berbuat baik sebagai tanda penghargaan atau sanjungan. Menurut Alias (1990:40), manusia biasanya akan mengucapkan terima kasih apabila mendapat pertolongan, bantuan, pemberian, simpati dan sebagainya. Ucapan terima kasih merupakan akhlak mulia yang menunjukkan rasa syukur atas nikmat kesenangan dan ke-selesaian serta menjamin hubungan kemesraan sesama manusia seiring dengan pendekatan moral. Oleh itu, sifat berterima kasih ialah kesediaan melahirkan pengiktirafan dan penghargaan terhadap sesuatu jasa, pemberian atau sumbangan yang diterima daripada orang lain, di samping tanda bersyukur ke atas sesuatu nikmat, kesenangan dan ke-selesaian yang diperolehi.

Sifat berterima kasih dapat dilihat menerusi watak Anita yang meluahkan ucapan terima kasih dan penghargaannya kepada Kak Maysarah kerana menyedarkannya untuk meneruskan kehidupan setelah kedua ibu bapa mereka pergi buat selama-lamanya. Seperti katanya.

Anita tersenyum dalam keterharuan. Sikapnya lebih dewasa dari dulu. "Tak ada apa yang perlu Nita maafkan. Malah Nita harus berterima kasih kepada Kak May, kerana setidak-tidaknya Nita telah

belajar jadi dewasa!" (Abdullah, 1994:251).

Penglibatan watak Anita menggambarkan ucapan terima kasih adalah perbuatan berbudi, beradab sopan dan ikhlas apabila menerima pemberian atau sumbangan daripada orang lain. Sifat ini menggambarkan penghargaan dan pengiktirafan atas sumbangan dan bakti yang diterima adalah perbuatan mulia yang menjalin hubungannya dengan orang lain. Melalui sifat berterima kasih dan memberi penghargaan memperlihatkan perbuatan atau tingkah laku mulia yang boleh menjadi cerminan dan contoh teladan kepada remaja.

Rasional

Rasional bermakna kebolehan berfikir dan bertindak berdasarkan alasan, fakta dan bukti yang nyata tanpa dipengaruhi oleh emosi dan perasaan. Selamat et al., (2010:111) menjelaskan rasional ialah kemampuan membuat pertimbangan dan membezakan buruk baik sesuatu perkara sebelum membuat keputusan dan tindakan. Sikap rasional terhadap sesuatu perkara akan menimbulkan tanggapan positif untuk melakukan pertimbangan dan tindakan yang sesuai dengan kepentingan ramai. Justeru, sikap rasional ialah kebolehan berfikir berdasarkan alasan yang munasabah dan bukti yang nyata serta mampu mengambil tindakan yang sesuai tanpa dipengaruhi oleh perasaan cemburu, khianat dan ber-dendam. Analisis nilai rasional yang ter-papar dalam karya ialah kebolehan membuat penakulan.

Keupayaan membuat penakulan merupakan kebolehan berfikir secara rasional dan logik untuk melahirkan pendapat atau pandangan yang boleh diterima secara munasabah. Kebolehan membuat penakulan teradun melalui watak Awanis yang menggambarkan kemampuan dan kebolehannya

menzahirkan pendapat yang bernas dan boleh diterima ramai. Melalui watak Awanis memperlihatkan keupayaannya berfikir secara logik untuk mengatasi permasalahan keluarga setelah kedua ibu bapanya meninggal dunia. Keupayaannya berfikir dan bertindak secara bijaksana akhirnya mampu meyakinkan Kak Maysarah dan Anita untuk kembali bersama keluarga yang sekian lama sepi dan murung. Seperti kata-katanya sewaktu berjumpa Kak May,

“Kak May kenapa buat macam ni? Bunuh diri itu dosa besar, dikutuk Tuhan!” kataku perlahan. “Anis, bukan aku mahu bunuh diri. Aku tak sengaja. Aku cuma mahu melupakan semua yang telah terjadi dalam hidupku!”. Kenapa mesti melupakannya? Sepatutnya kita belajar menerima kenyataan. Kita harus sentiasa berpijak di bumi nyata, bukan di alam mimpi yang tidak tentu haluan!” (Abdullah, 1994:250).

Penyemaian nilai-nilai murni memperkukuhkan lagi hubungan sastera dengan masyarakat sukar dipisahkan bahkan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Melalui sastera juga pengarang secara langsung turut membantu melahirkan generasi muda atau remaja yang berjiwa murni, berakal budi dan berakhlak mulia. Berdasarkan analisis ini kebolehan membuat penakulan selari dengan pendekatan moral yang menggambarkan kemampuan berfikir secara logik dan rasional yang dapat diterima ramai yang memberi manfaat seperti ditegaskan oleh Awang (1997: 121). Oleh itu, hasil analisis ini memberi ruang kepada golongan remaja menyemai nilai-nilai mulia dan membina budaya murni sebagai panduan serta amalan dalam mengharungi realiti kehidupan yang semakin kompleks dan mencabar.

SIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati teks *Seteguh*

Karang menyentuh nilai-nilai murni seperti nilai baik hati, kasih sayang, keberanian, kerjasama, kesyukuran dan rasional. Penyemaian nilai murni yang dilaksanakan secara tersusun dan berterusan mampu untuk memupuk budaya murni, membina sahsiah dan membentuk keperibadian remaja. Analisis ini menyerlahkan pelbagai perlakuan dan hubungan manusia yang melihat aspek-aspek positif dan negatif untuk dijadikan cerminan perbandingan dan contoh teladan kepada remaja. Apa yang jelas, hasil karya yang berlatar belakangkan masyarakat Malaysia mempunyai hubungan langsung dengan cara hidup, amalan budaya dan kepercayaan beragama dalam masyarakat. Menerusi analisis ini mendapati hasil seni kesusasteraan yang diilhamkan oleh penulis mampu memberi pengalaman dan pengetahuan dalam kehidupan remaja kerana sastera dikatakan memiliki nilai kehalusan, perasaan dan keindahan atau estetika yang berupaya merubah suasana kehidupan masyarakatnya. Paparan ini menggambarkan wujudnya hubungan langsung antara sastera dengan kelompok masyarakat dan alam persekitarannya.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdullah, Kamaruzaman. 2000. “Nilai Murni Cerpen Diari Seorang Pengawas”. *Berita Harian*, 10 Oktober 10.
- Abdullah, Tuan Faridah Syed. 1994. *Seteguh Karang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Buraey, Muhammad. 1992. *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*. Terj. Abdullah Md. Noor, Norlida Abdul Halim dan Noorlela Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1987. *Akhlaq Seorang Muslim*. Peny. H. Mohd. Rifai. Batu Caves : Thinker’s Library.
- . 1994. *Peribadi Muslim*. Terj. Osman Haji Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana

- Menteri,
 Alias, Johari Hj. 1990. *Mencari Kesempurnaan Pekerti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, Hasan Hj. Mohd. 1996a. *100 Akhlak Mulia*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors,
- . 1996b. *Checklist Keluarga Bahagia*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors,
- . 1996c. *Checklist Kelua-ga Bahagia*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ashshiddiqi, Hasbi, Bustami A. Gani, Muchtar Jahya, Toha Jahya Omar, Mukri Ali, Kamal Muchtar, Ghazali Thaib, Musaddad, Ali Maksum & Busjairi Madjidi. 1992/1412H. *Al-Quran dan Terjemahannya*. Medinah: Kadim al-Harramah Departmen dan Wakaf Saudi Arabia.
- Atjeh, Aboebakar. 1988. *Akhlak Dalam Islam*. 3rd ed. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Awang, Hashim. 1989. "Penelitian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu." *Dewan Sastera*, Disember: 60—63
- . 1994. "Pengarangan Sastera: Pengkaedahan Melayu." *Teks dan Khalayak*. Peny. Sahlan Mohd. Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 326—335.
- . 1997. *Pengkaedahan Melayu dalam Penelitian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air. Teori Sastera dan Budaya dalam Penelitian*. Peny. Mana Sikana. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia: 103—124.
- Darusalam, Ghazali. 1997. *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Daud, Mustafa Hj. 1995. *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Malaysiana. 1995. Kuala Lumpur: Anzagain.
- Ghazali, Imam. 1990. *Bimbingan Mu'minin*. 7th ed. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- . 1991. *Akhlak Seorang Muslim*. Terj. Abu Laila dan Muhammad Tohir. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Hashimi, Mohd. Ali. 1988. *Keperibadian Muslim*. Jilid 2. Terj. Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Hussin, Sufean. 1995. *Pengajaran Nilai dalam Kurikulum*. 2nd ed. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Langgulung, Hassan. 1981. *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Nawas, Abdul Rahman, Nawawee Mohammad, Omardin Hj. Ashari dan Arif Saaya. 1995. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Nik Pa, Nik Azis. 1990. *Program Pendidikan Pelajar Pintar Cerdas: Teori dan Praktik*. Kajang: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1990. *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salum, Kifah. 1993. *Pedagogi Islam*. Kuala Lumpur : Cahaya Pantai.
- Selamat, Jumali Hj., Khaidzir Hj. Ismail, Shaharuddin Ahmad dan Noriah Mohd. Ishak. 2010. *Pembinaan Sahsiah Remaja: Proses dan Perkembangan*. Bangi : Pusat Perkembangan Pelajar, UKM.
- Zakaria, Idris. 1991. "Penghayatan Nilai-nilai Islam dalam Kehidupan". *Islam: Cabaran dan Isu Semasa*. Peny. Ismail Abdul Rahman dan Mohd. Nasir Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 164—184.

